



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**


NAMA KURSUS : UNDANG-UNDANG PEKERJAAN
KOD KURSUS : DSM2133
PEPERIKSAAN : OKTOBER 2019
MASA : 3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: BAHAGIAN A (60 Markah)
BAHAGIAN B (40 Markah)
 - i. Bahagian A mengandungi **ENAM (6)** soalan. Jawab **SEMUA** soalan dalam Buku Jawapan.
 - ii. Bahagian B mengandungi **DUA (2)** soalan, Jawab **SEMUA** dalam Buku Jawapan.
2. Calon tidak di benarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 5 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN



BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **ENAM (6)** soalan. Jawab **SEMUA** soalan.

Jawab di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Huraikan **lima (5)** mekanisme bagi menangani gangguan seksual di tempat kerja.

(10 markah)

SOALAN 2

Akta Kerja 1955 (AK) mentafrifkan upah di dalam Seksyen 2. Huraikan **lima (5)** perkara yang tidak termasuk di dalam takrif upah.

(10 markah)

SOALAN 3

Huraikan konsep penempatan pekerja dan kenaikan pangkat pekerja.

(10 markah)

SOALAN 4

a. Senaraikan **lima (5)** kelayakan yang perlu ada pada seseorang untuk menjadi Pengerusi Mahkamah Perhubungan Perusahaan.

(5 markah)

b. Nyatakan **lima (5)** aduan pekerja yang boleh dibuat terhadap pihak majikan.

(5 markah)

SOALAN 5

- a. Nyatakan **lima (5)** perkara dalam Seksyen 13(3) Akta Perhubungan Perusahaan 1967 iaitu perkara yang tidak boleh dicadangkan oleh Kesatuan Sekerja semasa perundingan Kolektif dijalankan.

(5 markah)

- b. Apakah **lima (5)** syarat pertukaran tempat kerja yang telah disarankan oleh Ghaiye di dalam bukunya Misconduct in Employment?

(5 markah)

SOALAN 6

Huraikan perbezaan di antara kontrak perkhidmatan dengan kontrak untuk perkhidmatan.

(10 markah)

[60 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan. Jawab **SEMUA** soalan.

Jawab di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

a. Encik Atan telah bekerja dari 7 pagi hingga 7 petang pada Hari Pekerja. Waktu bekerja beliau ialah dari jam 7 pagi hingga 5 petang. Gaji bulanan Encik Atan ialah RM1,820.

i. Kirakan gaji yang harus diterima oleh Encik Atan pada Hari Pekerja berkenaan.

(7 markah)

ii. Kirakan jumlah bayaran gaji yang diperoleh oleh Encik Atan pada bulan tersebut.

(3 markah)

b. Puan Halimah merupakan seorang pekerja wanita yang dilindungi oleh undang-undang di bawah Seksyen 34, Akta Kerja 1955. Terangkan kegiatan perusahaan yang boleh dikaitkan dengan larangan di bawah Seksyen 34 ini.

(10 markah)

SOALAN 2

- a. Fizah telah digantung tugas selama dua minggu kerana telah melakukan kesalahan dalam organisasi. Huraikan **lima (5)** kategori salah laku pekerja.
(10 markah)
- b. Setiap majikan akan sentiasa berhati-hati berikutan pelbagai kes salah laku dalam organisasi. Sebagai majikan, hak untuk membuat siasatan domestik perlu dilakukan. Terangkan prosedur pelaksanaan siasatan domestik.
(10 markah)

[40 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT